



KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN  
KELESTARIAN ALAM  
JABATAN ALAM SEKITAR

**KENYATAAN MEDIA  
JABATAN ALAM SEKITAR**

---

**MEMORANDUM PERSEFAHAMAN (MOU)  
ANTARA JABATAN ALAM SEKITAR DENGAN  
SYARIKAT PUSPAKOM SDN. BHD.**

---

**PUTRAJAYA, 23 Januari 2023** - Jabatan Alam Sekitar sentiasa komited untuk menguatkuasakan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 bagi mengawal punca-punca pencemaran udara dari pelbagai aktiviti dan salah satu punca pencemaran udara terutama di kawasan perbandaran adalah dari kenderaan bermotor.

Memorandum Persefahaman untuk kali ke tiga antara Kerajaan Malaysia dengan PUSPAKOM pada kali ini ditandatangani dengan tempoh perjanjian selama 5 tahun daripada tarikh MOU ditandatangani. Tujuan MOU adalah bagi mewujudkan komitmen dan menggalakkan kerjasama dalam pemuliharaan alam sekitar melalui pelaksanaan program penguatkuasaan dan kesedaran alam sekitar

Kedua-dua pihak melalui perjanjian persefahaman ini bersetuju dengan skop memorandum iaitu PUSPAKOM sebagai kemudahan yang diluluskan (KYDL) yang disijilkan oleh JAS, bertanggungjawab untuk membekalkan, melaksanakan dan menyempurnakan kepada pemunya kenderaan yang diarahkan oleh Kerajaan untuk tujuan pengujian semula seperti yang ditetapkan oleh Jabatan Alam Sekitar iaitu-

## **SM 1/2014**

- i. Ujian pelepasan asap daripada kenderaan berenjin diesel;
- ii. Ujian pelepasan gas pencemar CO dan HC daripada kenderaan berenjin petrol; dan
- iii. Ujian pelepasan gas pencemar CO daripada enjin motosikal.

Sepanjang tempoh perjanjian dengan JAS iaitu dari tahun 2014 sehingga 2023, lebih daripada 20,000 pemeriksaan pelepasan asap atau gas telah dijalankan oleh pihak PUSPAKOM melibatkan kenderaan berenjin petrol dan diesel termasuklah ujian semula kenderaan.

Pemeriksaan kenderaan ini adalah bagi memastikan pematuhan dibawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Pelepasan Daripada Enjin Diesel) 1996, Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Pelepasan Daripada Enjin Petrol) 1996 dan Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Pelepasan Daripada Motosikal) 2003.

Semua pihak termasuk kenderaan komersial, persendirian, industri dan masyarakat awam adalah dinasihatkan untuk sentiasa memastikan kenderaan masing-masing diselenggara secara berkala bagi mengelakkan pelepasan asap berlebihan yang boleh mengakibatkan pencemaran alam sekitar JAS menyeru orang awam untuk melaporkan sebarang aktiviti mencemarkan alam sekitar di talian bebas tol 1-800-88-2727 yang beroperasi 24 jam sehari atau e-mel ke aduan\_k@doe.gov.my melalui portal e-aduan JAS di <https://eaduan.doe.gov.my>.

**-TAMAT-**

**DATO' WAN ABDUL LATIFF BIN WAN JAFFAR**  
**Ketua Pengarah Alam Sekitar Malaysia**  
**23 JANUARI 2024**